

Mun Yee tampil kelainan

>>Oleh Wan Noriza Meor Idris

wannnoriza@NSTP.com.my

ATLET terjun negara, Leong Mun Yee (*gambar*) bakal tampil dengan kelainan di temasya Sukan Universiti Asean (AUG), Laos, minggu depan, apabila menyertai acara individu yang bukan menjadi kebiasaananya.

Mahasiswi Universiti Putra Malaysia (UPM) itu memilih acara platform dan 1 meter papan anjal individu sekali gus meletakkan sasaran meraih sekurang-kurangnya pingat perak.

"Agak sukar meletakkan jangkaan pingat emas kerana acara kegemaran saya, iaitu seirama tidak dipertandingkan di Laos. Lebih-lebih lagi, sepanjang tahun ini saya lebih menumpukan pada acara seirama bersama Pandelela Rinong untuk persediaan ke Olimpik London, Julai lalu.

"Platform adalah acara kegemaran Pandelela manakala 1m papan anjal pula ke-

lebihan Cheong Jun Hoong. Maka, kedua-dua mereka yang juga rakan seangkatan saya adalah lawan terdekat di Laos berbanding negara ASEAN lain.

"Bagaimanapun, saya yakin melakukan terjunan dengan baik kerana ini kali pertama serta terakhir saya beraksi di AUG," katanya yang diberi kepercayaan sebagai pembawa Jalur Gemilang kontinen negara di Laos.

Mengulas mengenai perseidiaannya, Mun Yee yang balak mencecah usia 28 tahun pada 4 Disember ini mengakui terpaksa membahagikan masanya antara pengajian di UPM serta latihan intensif di Bukit Jalil.

"Jujurnya, buat masa ini saya kurang menjalani latihan, memandangkan tumpuan lebih diletakkan pada pelajaran. Sebelum ini, saya sering menangguhkan pengajian kerana sibuk mewakili negara menyertai pelbagai kejohanan.

"Tetapi, itu bukan bermak-



sud saya tidak bersedia memberi aksi terbaik di Laos," katanya.

Penerjun senior itu sebelum ini pernah meluahkan hasrat bersara selepas tamatnya Sukan Olimpik London, tetapi akhirnya menukar fikiran kerana masih cintakan sukan terjun.

Walaupun kecewa gagal merealisasikan impian memenangi pingat di London, Mun Yee berpendapat ia adalah aksi terbaiknya sejak menyertai temasya utama itu 12 tahun lalu dengan mara ke final tahun ini.

Mun Yee yang bergandingan dengan Pandelela dalam 10m platform seirama di London sekadar menduduki tempat ketujuh dengan penyandang juara dunia, Chen Ruolin-Wang Hao dari China gah meraih emas.